KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	26/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

Risau harimau: Sebulan terpaksa berkurung

Utusan 26.1.2022_11

GUA MUSANG: Gara-gara ancaman harimau belang yang berkeliaran di kampung mereka, sudah sebulan lamanya masyarakat Orang Asli di Pos Bihai, di sini terpaksa hidup dalam ketakutan.

Selepas Anek Along, 59, maut dibaham harimau awal bulan lalu, hanya seekor haiwan buas itu berjaya ditembak mati pihak berkuasa dan difahamkan, terdapat sekurang-kurangnya 10 ekor lagi harimau masih bebas berkeliaran.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, penduduk di situ tidak lagi bebas berjalan di kawasan terbuka dengan rata-rata mereka terutama golongan wanita dan kanak-kanak hanya berkurung di rumah.

Penghulu Pos Bihai, Alang Segan berkata, dalam tempoh sebulan kebelakangan ini, penduduk hanya berada di rumah tanpa melakukan sebarang aktiviti di kebun ubi kayu atau getah yang diusahakan manakala kanak-kanak juga tidak ke sekolah yang ditutup kerana keselamatan mereka.

"Diharap pihak berwajib segera memburu dan menangkap saki-baki harimau yang masih berkeliaran," katanya.

Dollah Adi, 55, dari Kampung Bihai Lama pula berkata, penduduk dari 12 kampung di sekitar Pos Bihai kini bergilir-gilir berkawal dan meronda di kawasan penempatan masing-masing dengan bersenjatakan lembing.

"Lembing senjata turun-temurun kaum Orang Asli merupakan pertahanan diri yang terakhir sekiranya kami berdepan bahaya. Lembing ini untuk jaga keselamatan, bukan untuk kita memburu harimau itu," katanya.

Sementara itu, anggota Senoi Praaq dari Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA) Bidor, Perak turut menyertai operasi khas bersama pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sejak seminggu lalu.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo memberitahu *Utusan Malaysia*, seramai 21 anggota Senoi Praaq ditugaskan menjaga keselamatan penduduk, termasuk mengiringi mereka yang mahu ke kebun bagi menuai hasil tanaman.



SIK Choon Foo (tiga dari kiri) bersama anggota Senoi Praaq dan Perhilitan Kelantan bertanya khabar penduduk Orang Asli di Kampung Sau, Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan. – UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH